

# E-BULETIN



**“Sinar Kasih Ramadan Bersama Anak-Anak Asnaf”**

Ms. 01

**“GAJI DAH MASUK?  
JANGAN LUPA BAHAGIAN MEREKA”**

Ms. 05

Imbas QR Code  
Pembayaran  
Zakat Harta



## KUNJUNGAN HORMAT

Kunjung hormat di antara Zakat Melaka dan Kuala Linggi International Port (KLIP) sebagai langkah memperkukuh hubungan strategik serta mempererat kerjasama antara kedua-dua pihak.

Dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat, YBrs. Tn. Zohaime Bin Muhamad Sorì,



## PELUNASAN ZAKAT WANG SIMPANAN



Zakat Melaka menerima kunjungan hormat YBhg. Datuk Ir. Khairol Anuar ke Ibu Pejabat Zakat Melaka. Dalam kunjungan ini, beliau turut menyempurnakan pembayaran Zakat Perniagaan dan Zakat Pendapatan yang telah diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zohaime bin Muhamad Sorì.

## “SINAR KASIH RAMADAN BERSAMA ANAK-ANAK ASNAF”

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) “Sinar Kasih Ramadan Bersama Anak-Anak Asnaf” 1447H/2026M anjuran Zakat Melaka dengan kerjasama Sinar Jernih Sdn. Bhd. yang diadakan di Jakel Melaka @ Astana Moda.

Program ini diadakan bagi menyantuni anak-anak asnaf fakir, miskin dan yatim dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba. Seramai 60 orang pelajar daripada 12 buah sekolah yang mewakili enam Parlimen di Negeri Melaka telah diraikan melalui pemberian set kelengkapan baju raya.



# PELUNASAN ZAKAT PENDAPATAN

Bayaran Zakat Pendapatan daripada SRI HANA & ASSOCIATED telah disempurnakan di Zakat Melaka sebagai tanda komitmen dalam menunaikan kewajipan zakat serta menyucikan harta.

Penyerahan bayaran zakat tersebut telah disambut oleh Encik Zuhri Iskandar bin A. Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka.



## KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan hormat YBrs. Encik Zohaime bin Muhamad Sori, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka bersama Encik Ahmad Azhar Darbi, Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalam McDonald's Malaysia, membincangkan berkaitan pelunasan Zakat Perniagaan dan Zakat Pendapatan melalui kaedah potongan gaji.

## KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan hormat telah diadakan antara YBrs. Encik Zohaime bin Muhamad Sori, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka bersama Encik Taufik Abdullah, General Manager Grand Swiss-Belhotel bagi membincangkan berkaitan pelunasan Zakat Perniagaan serta Zakat Pendapatan melalui kaedah potongan gaji.



Kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Encik Zohaime bin Muhamad Sori bersama beberapa pegawai Zakat Melaka ke Universiti Islam Melaka (UNIMEL).

Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara Zakat Melaka dan UNIMEL, khususnya dalam aspek kerjasama pendidikan, penyelidikan serta pemerkasaan agenda zakat demi manfaat ummah.

Zakat Melaka telah mengadakan sesi penyerahan cenderahati Aidilfitri yang disempurnakan oleh Encik Zuhri Iskandar bin A. Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka kepada pihak Bank Rakyat Cawangan Ayer Keroh, Melaka.

Cenderahati tersebut telah diterima oleh Encik Nasarudin bin Ab Hadi, Pengurus Wilayah Selatan Bank Rakyat, sebagai tanda penghargaan atas kerjasama dan sokongan berterusan pihak Bank Rakyat dalam usaha memperkasa agenda zakat serta memperluas jaringan kerjasama strategik.



# Aktiviti Operasi Zakat Melaka

MAC - APRIL 2026





# Aktiviti Operasi Zakat Melaka

MAC - APRIL 2026



# GAJI DAH MASUK?

## JANGAN LUPA BAHAGIAN MEREKA

### Zakat - Bersih Jiwa, Suci Harta

---

Setiap bulan kita bekerja keras mencari rezeki. Bangun awal pagi, mengharungi kesesakan jalan raya, menghadapi tekanan kerja dan memenuhi tanggungjawab yang tidak pernah habis. Semuanya dilakukan demi memastikan kehidupan kita dan keluarga terus berjalan dengan baik. Bila gaji masuk, ada rasa lega. Ada rasa syukur. Sekurang-kurangnya, keperluan asas dapat dipenuhi, komitmen bulanan dapat dilunaskan. Namun, pernahkah kita berhenti sejenak dan berfikir - Dalam rezeki yang kita terima itu, sebenarnya ada bahagian untuk orang lain?

Itulah yang dinamakan Zakat Pendapatan. Secara ringkas, Zakat Pendapatan ialah zakat yang dikenakan ke atas hasil yang kita peroleh seperti gaji, elaun, upah atau bayaran profesional. Apabila pendapatan kita mencapai kadar tertentu (nisab), maka kita termasuk dalam golongan yang wajib menunaikannya. Tetapi hakikatnya, zakat bukan sekadar kewajipan yang perlu ditunaikan. Ia adalah satu bentuk penyucian—membersihkan harta daripada hak orang lain, dan dalam masa yang sama menyucikan jiwa daripada sifat kedekut dan terlalu cintakan dunia.

Allah SWT mengingatkan dalam Al-Quran agar kita membelanjakan sebahagian daripada hasil usaha kita. Ini menunjukkan bahawa setiap rezeki yang kita miliki bukanlah milik kita sepenuhnya—ada hak yang perlu dikongsi. Kadang-kadang, kita tertanya-tanya, "cukup ke duit kalau bayar zakat?" Apatah lagi dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat. Namun, di sebalik persoalan itu, ada satu hakikat yang sering kita terlupa—zakat tidak mengurangkan harta, tetapi menambah keberkatan. Keberkatan ini mungkin tidak selalu terlihat pada angka, tetapi dirasai dalam bentuk ketenangan, kecukupan, dan kemudahan dalam urusan hidup.

Seorang pekerja biasa, gajinya tidaklah terlalu besar. Setiap bulan, dia perlu menguruskan perbelanjaan keluarga, sewa rumah, yuran sekolah anak-anak. Pada mulanya, dia juga ragu-ragu untuk menunaikan Zakat Pendapatan kerana bimbang tidak cukup. Namun, dia tetap memilih untuk menunaikan kewajipan tersebut—sedikit demi sedikit, secara konsisten.

Beberapa bulan kemudian, dia mula menyedari sesuatu. Walaupun perbelanjaannya masih sama, dia tidak lagi merasa terlalu sempit. Malah, ada sahaja rezeki yang datang—kadang-kadang dalam bentuk bonus kecil, bantuan yang tidak disangka, atau urusan yang dipermudahkan. Hidupnya mungkin tidak menjadi mewah, tetapi terasa cukup. Dan yang paling penting, hatinya menjadi lebih tenang. Dalam masa yang sama, di sudut lain masyarakat, zakat yang ditunaikan itu memberi makna yang sangat besar.

Daripada sedikit yang kita keluarkan, sebenarnya ada kehidupan yang berubah. Di sinilah indahnya zakat—ia bukan sekadar ibadah individu, tetapi satu sistem yang menyatukan masyarakat. Ia menjadi jambatan antara mereka yang berkemampuan dengan mereka yang memerlukan. Apa yang lebih penting, kita tidak perlu menunggu sehingga menjadi "kaya" untuk mula berzakat. Dalam Islam, ukuran kemampuan telah ditetapkan. Selagi kita memenuhi syarat, itu sudah cukup sebagai tanda bahawa kita mampu berkongsi.

Hari ini pula, menunaikan Zakat Pendapatan menjadi semakin mudah. Dengan kemudahan pembayaran secara atas talian, semuanya boleh dilakukan di hujung jari—tanpa perlu mengambil masa yang panjang. Tiada lagi alasan untuk bertangguh. Yang tinggal hanyalah persoalan—mahu atau tidak kita melaksanakannya? Zakat Pendapatan bukan sekadar angka yang kita keluarkan setiap bulan. Ia adalah tanda syukur atas nikmat yang Allah SWT berikan, bukti keimanan dalam diri, dan cara kita menyebarkan kebaikan kepada orang lain. Kerana hakikatnya, setiap rezeki yang kita miliki itu adalah Amanah dan dalam setiap amanah itu, ada hak yang perlu kita tunaikan.

# RAHSIA KEAGUNGAN LAILATUL QADAR

## Zakat - Bersih Jiwa, Suci Harta

Malam Lailatul Qadar; Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda maksudnya: "Sesiapa yang mendirikan (ibadah pada) malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu." (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan bagi umat Islam. Antara keistimewaan utama bulan ini ialah kewujudan malam yang sangat mulia iaitu Lailatul Qadar. Malam ini disebut dalam Al-Quran sebagai malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Qadr ayat 3 maksudnya: "Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan."

Ayat ini menunjukkan betapa besarnya ganjaran pahala yang dilakukan pada malam tersebut. Menurut para ulama, Lailatul Qadar berlaku pada sepuluh malam terakhir Ramadan, khususnya pada malam-malam ganjil. Pada malam ini juga para malaikat, termasuk malaikat Jibril, turun ke bumi dengan membawa rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT. Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah seperti qiamullail, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa agar memperoleh keberkatan malam tersebut. Sabda Rasulullah SAW mengenai pencarian Lailatul Qadar maksudnya: "Carilah Lailatul Qadar pada malam yang ganjil dalam sepuluh malam yang akhir di bulan Ramadan." (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Justeru, memperbanyakkan ibadah pada bulan Ramadan juga merupakan waktu terbaik untuk menunaikan kewajipan zakat. Umat Islam digalakkan menunaikan Zakat Fitrah sebelum solat Aidilfitri sebagai tanda penyucian diri selepas berpuasa. Selain itu, pembayaran Zakat Harta juga penting bagi membantu golongan asnaf dan memastikan kekayaan diagihkan secara adil dalam masyarakat. Dengan menghidupkan malam Lailatul Qadar serta menunaikan zakat, Ramadan dapat dihayati sebagai bulan ibadah, keinsafan dan kebajikan kepada semua.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

**ZAKAT MELAKA**  
Zakat Melaka  
FITRAH  
1447H/2026M

**Kadar Wajib**  
BERAS SUPER SPESIAL TEMPATAN

1 orang	RM 8.00
2 orang	RM 16.00
3 orang	RM 24.00
4 orang	RM 32.00
5 orang	RM 40.00

**Kadar Galakan**  
BERAS SUPER SPESIAL IMPORT THAI / WANGI

1 orang	RM 15.00
2 orang	RM 30.00
3 orang	RM 45.00
4 orang	RM 60.00
5 orang	RM 75.00

**Kadar Galakan**  
BERAS BASMATHI

1 orang	RM 22.00
2 orang	RM 44.00
3 orang	RM 66.00
4 orang	RM 88.00
5 orang	RM 110.00

Sila Imbas Untuk Pembayaran secara Online

Talian Zakat: 1-300-88-0233

**ZAKAT MELAKA**  
Fakta Ramadan

Dalam bulan Ramadan terdapat satu malam yang sangat istimewa iaitu Lailatul Qadar, malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan. Malam ini biasanya dicari pada 10 malam terakhir Ramadan, terutama pada malam ganjil.

Talian Zakat: 1-300-88-0233



## ZAKAT PENDAPATAN

**KAEDAH 1 (Tanpa Penolakan)**

2.5% daripada jumlah pendapatan kasar setahun.

i. Gaji sebulan RM4,920.00 x 12 bulan = RM59,040.00  
 ii. Elaun sebulan RM250.00 x 12 bulan = RM3,000.00

**JUMLAH PENDAPATAN = RM62,040.00**

**Pengiraan Zakat Pendapatan:**  
 RM62,040.00 x 2.5% = **RM1,551.00 setahun**  
 RM1,551.00 ÷ 12 bulan = **RM129.25 sebulan**

Imbas QR Code Pembayaran Zakat Harta



 Zakat Melaka - Rasmi  Zakat Melaka  zakat.melaka



## ZAKAT PENDAPATAN

**KAEDAH 2 (Dengan Penolakan)**

Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan asas hidup.

**A. PENDAPATAN**  
 i. Gaji sebulan RM 4,920.00 x 12 bulan = RM59,040.00  
 ii. Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan = RM3,000.00

**JUMLAH PENDAPATAN = RM62,040.00**

**B. PERBELANJAAN**

i. Diri sendiri	:RM8,000.00 setahun
ii. Isteri (tidak bekerja)	:RM5,000.00 setahun
iii. Anak: RM1,000.00 seorang (2 orang x RM1,000.00)	:RM2,000.00 setahun
iv. Sumbangan ibu bapa	:RM1,200.00 setahun
v. KWSP/LTAT (11%)	:RM5,610.00 setahun
vi. Takaful	: -
vii. Lembaga Tabung Haji	: -

**JUMLAH PERBELANJAAN = RM21,810.00**

**C. JUMLAH YANG LAYAK DIZAKAT (A - B) = RM40,230.00 (melebihi nisab)**  
 Kadar zakat yang dikenakan adalah:  
 RM40,230.00 x 2.5% = RM1,005.75 setahun  
 RM1,005.75 ÷ 12 bulan = RM83.81 sebulan

Imbas QR Code Pembayaran Zakat Harta



 Zakat Melaka - Rasmi  Zakat Melaka  zakat.melaka



## ZAKAT EMAS & PERAK

Emas dan Perak merupakan antara harta yang wajib dizakatkan apabila cukup syarat. Zakat membantu menyucikan harta serta membantu golongan yang memerlukan.

<b>Syarat Wajib Zakat</b>	<b>Nisab Zakat</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Milik penuh</li> <li>Cukup nisab</li> <li>Cukup haul (1 tahun)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Emas: 85 Gram</li> <li>Perak: 595 Gram</li> </ul>

**KADAR ZAKAT**  
 2.5% DARIPADA JUMLAH NILAI EMAS ATAU PERAK

**Hikmah Zakat**

- Menyucikan harta dan jiwa
- Mengelakkan sifat tamak
- Membantu fakir, miskin dan asnaf

**Dalil Al-Quran**  
 Allah SWT berfirman dalam Surah At-Taubah (9:34)  
 "Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Sucikan Harta, Berkatkan Rezeki  
 Tunaikan Zakat Emas dan Perak apabila cukup syarat.



## NI KENA ZAKAT KE?



**OT & EXTRA INCOME**

Semua pendapatan akan dikumpulkan dalam kiraan zakat.

**Jangan tertinggal dalam kiraan!**

 Zakat Melaka - Rasmi  Zakat Melaka  zakat.melaka